



04 OCT, 2021

Penilaian rakyat dorong beri khidmat terbaik

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Prestasi 100 hari pertama Jemaah Menteri

Penilaian rakyat dorong beri khidmat terbaik

Kuala Lumpur: Penilaian oleh rakyat terhadap prestasi menteri dan timbalan menteri akan mendorong anggota Kabinet memberi perkhidmatan terbaik dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Anggota Kabinet menyifatkan penilaian terhadap 100 hari pertama perkhidmatan mereka yang turut mengambil kira pandangan rakyat, sebagai langkah baik dan tepat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pihaknya komited untuk bekerja bersama rakyat serta membuktikan pencapaian dalam tempoh 100 hari pertama bawah kepemimpinan baharu seperti ditetapkan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau sekali gus menyokong kenyataan Perdana Menteri untuk mengambil pandangan rakyat dalam penilaian 100 hari pertama perkhidmatan anggota Kabinet yang dilihat sebagai cadangan amat baik.

"Saya menyambut baik kenyataan Perdana Menteri yang mengambil kira pelbagai kaedah, termasuk mendapatkan maklum balas dan analisis sentimen ramai bagi mengukur prestasi 100 hari pertama kami selaku menteri Kabinet. Menyertakan masyarakat dalam penilaian 100 ha-

“Saya sambut baik kenyataan Perdana Menteri yang mengambil kira pelbagai kaedah, termasuk mendapat analisis sentimen ramai”



Dr Adham Baba,
Menteri Sains,
Teknologi
dan Inovasi

“Rakyat perlukan sebuah kerajaan yang kuat melalui perkhidmatan dipamer menteri dan timbalan menteri”



Shahidan Kassim,
Menteri Wilayah
Persekutuan

ri pertama menteri adalah cadangan amat baik,” katanya.

Dr Adham memaklumkan di kementeriannya, beliau turut memantau cadangan diberi melalui platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter, secara berkala untuk tujuan penambahbaikan, sekali gus meningkatkan mutu penyampaian khususnya membabitkan sains, teknologi dan inovasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam dilaporkan berkata, rakyat akan diberi peluang menilai prestasi menteri untuk dimasukkan dalam kad laporan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sepanjang 100 hari pertama perkhidmatan mereka.

Beliau menjelaskan, pandangan rakyat adalah satu daripada komponen penilaian anggota Kabinet yang akan diperolehi melalui kajian sikap, selain penilaian oleh jawatankuasa dibentuk.

Mengulas isu sama, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata kaedah dipraktikkan oleh Perdana Menteri adalah tepat kerana kesan pandemik COVID-19 bukan untuk dilihat atau dibuat penilaian saja, sebaliknya memerlukan pelaksanaan supaya dapat memberi hasil positif kepada rakyat.

Beliau menegaskan, rakyat me-

merlukan sebuah kerajaan yang kuat melalui perkhidmatan dipamerkan menteri dan timbalan menteri.

“Saya amat bersetuju kerana Perdana Menteri juga sudah memaklumkan kepada kami supaya melakukan yang terbaik dalam tempoh 100 hari pertama dan hari-hari seterusnya. Bagi saya, apa saja berkaitan masalah rakyat, saya akan sampai kepada rakyat untuk bantu mereka.

“Sebagai contoh, sekarang saya berada di Labuan atas urusan kerja. Ada perkara yang kita boleh pertimbangkan, kita pertimbangkan. Ada perkara yang kita boleh selesaikan, kita selesaikan serta-merta demi rakyat,” katanya.

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata kenyataan Perdana Menteri itu adalah satu peringatan baik supaya menteri dan timbalan menteri menjalankan tanggungjawab diamanahkan.

“Ini langkah amat baik kerana kita bekerja untuk rakyat. Menteri atau timbalan menteri yang gagal melaksanakan tugas, wajar dipecat dan digantikan dengan Ahli Parlimen lain. Setiap menteri atau timbalan menteri yang dilantik perlu menjalankan tugas dengan sepenuh hati dan menjaga kementerian serta rakyat,” katanya.



04 OCT, 2021

Penilaian rakyat dorong beri khidmat terbaik

Berita Harian, Malaysia



SUMMARIES

Prestasi 100 hari pertama Jemaah Menteri

Kuala Lumpur: Penilaian oleh rakyat terhadap prestasi menteri dan timbalan menteri akan mendorong anggota Kabinet memberi perkhidmatan terbaik dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Anggota Kabinet menyifatkan penilaian terhadap 100 hari pertama perkhidmatan mereka yang turut mengambil kira pandangan rakyat, sebagai langkah baik dan tepat.